



2 September 2021
2 September 2021
P.U. (A) 349

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN KAWASAN KHAS) (PINDAAN) 2021

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF SPECIAL AREAS) (AMENDMENT) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (PENGENAAN CUKAI JUALAN BERKENAAN DENGAN
KAWASAN KHAS) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 57
Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan
(Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan Kawasan Khas) (Pindaan) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 September 2021.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan berkenaan dengan
Kawasan Khas) 2018 [*P.U. (A) 207/2018*] dipinda dalam perenggan 2 dengan
menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang
ditetapkan di bawah subseksyen 10(2) Akta—

(a) ke atas barang-barang yang dinyatakan dalam Jadual A
yang diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas, gudang
berlesen, atau gudang pengilangan berlesen untuk digunakan atau
diguna pakai di dalam suatu zon bebas, gudang berlesen, atau
gudang pengilangan berlesen itu;

(b) ke atas wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan
hasil tembakau yang diimport atau diangkut ke dalam
Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir;

(c) jika barang bercukai yang diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas selain zon bebas yang dibenarkan oleh Menteri di bawah seksyen 6A Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438] bagi tujuan pengeksporan semula adalah barang yang berikut:

- (i) rokok;
- (ii) produk tembakau;
- (iii) paip tembakau (termasuk kepala paip);
- (iv) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
- (v) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotin; atau

(d) jika barang bercukai itu diimport atau diangkut ke dalam suatu zon bebas yang dibenarkan oleh Menteri di bawah seksyen 6A Akta Zon Bebas 1990 adalah barang yang berikut:

- (i) rokok;
- (ii) produk tembakau;
- (iii) paip tembakau (termasuk kepala paip);
- (iv) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;

- (v) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, yang tidak mengandungi nikotin.”.

Dibuat 1 September 2021

[MOF.TAX(S)700-1/2/26 JLD. 5; KE.HF(152)899/04 JLD 2(5); PN(PU2)751/VI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (IMPOSITION OF SALES TAX IN RESPECT OF SPECIAL AREAS)
(AMENDMENT) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by section 57 of the Sales Tax Act 2018 [*Act 806*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Special Areas) (Amendment) Order 2021**.

(2) This Order comes into operation on 3 September 2021.

Amendment of paragraph 2

2. The Sales Tax (Imposition of Sales Tax in respect of Special Areas) Order 2018 [*P.U. (A) 207/2018*] is amended in paragraph 2 by substituting for subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1) Sales tax shall be charged and levied at the rate fixed under subsection 10(2) of the Act—

(a) on the goods specified in Schedule A which is imported or transported into a free zone, licensed warehouse, or licensed manufacturing warehouse to be used or consumed in a free zone, licensed warehouse, or licensed manufacturing warehouse;

(b) on wine, spirit, beer, malt liquor, tobacco and tobacco products imported or transported into Tasik Kenyir Duty Free Area;

(c) where the taxable goods imported or transported into a free zone other than free zone authorized by the Minister under section 6A of the Free Zone Act 1990 [*Act 438*] for the purposes of re-export are the following goods:

- (i) cigarettes;
 - (ii) tobacco products;
 - (iii) smoking pipes (including pipe bowls);
 - (iv) electronic cigarettes and similar personal electric vaporising devices;
 - (v) preparation of a kind used for smoking through electronic cigarettes and electric vaporising device, in form of liquid or gel, not containing nicotine; or
- (d) where the taxable goods imported or transported into a free zone authorized by the Minister under section 6A of the Free Zone Act 1990 are the following goods:
- (i) cigarettes;
 - (ii) tobacco products;
 - (iii) smoking pipes (including pipe bowls);
 - (iv) electronic cigarettes and similar personal electric vaporising devices;
 - (v) preparation of a kind used for smoking through electronic cigarettes and electric vaporising device, in form of liquid or gel, not containing nicotine.”.

Made 1 September 2021

[MOF.TAX(S)700-1/2/26 JLD. 5; KE.HF(152)899/04 JLD 2(5); PN(PU2)751/VI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance